

**KAJIAN KEBERKESANAN PENGOPERASIAN 24 JAM ICQS
BUKIT KAYU HITAM: IMPAK KESELAMATAN DAN
PERNIAGAAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA SETEMPAT**

**Nik Azmi Nik Omar, Sahubar Ibrahim Ismail Gani, Roshima Said,
Wan Nailah Abdullah, Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd Rizaimy
Shaharudin**

ABSTRACT

The objective of this study is to examine the perception of local traders on the effectiveness of the 24-Hour Operation of ICQS Bukit Kayu Hitam in terms of impact to the business of 24-hour operational outcomes as well as the current safety aspect of 24-hour operations. Studies were conducted around the shopping complex nearby to the ICQS Complex, Bukit Kayu Hitam and Changlun town. A set of questionnaires was prepared to be given face-to-face with the study respondents. The findings from questionnaires with local traders, data from the sale of traders operated in the surrounding area of 24-hour operation at Bukit Kayu Hitam ICQS Complex showed only a minority of traders recorded an overall increase in sales. Overall, it can be concluded that the operation of 24-hour ICQS Bukit Kayu Hitam for heavy vehicles does not cause or pose any major safety concern for traders in the surrounding areas. On average the traders found enforcement and frequent patrol of the authorities to have increased their confidence in the local security situation. Overall, the implementation of the 24-hour operation at Bukit Kayu Hitam ICQS Complex has no significant impact on businesses in the surrounding areas for a short period. Besides, the collected data documented various reasons on why traders supported the opening hours of the Bukit Kayu Hitam ICQS Complex for 24-hour. Most traders who support this effort agreed that the operation of 24-hour at the Bukit Kayu Hitam ICQS complex will have an impact on their business. The majority of traders perceive that 24-hour operational merchants not only open up opportunities for sales revenue and business quality but also facilitate business dealings and freight forwarding matters, particularly those involving Malaysian and Thai border exits. The study also suggested that the responsible parties will be able to plan in building and redeveloping affordable business sites for merchants to attract visitors from both local and across. The agencies involved are also

proposed to formulate, plan and implement short and long-term projects to intensify and enhance local economic activities.

Keywords: *24 hours operations, ICQS, Local traders, Security Impact, Business Business*

ABSTRAK

Objektif artikel kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji persepsi peniaga-peniaga setempat terhadap keberkesanan Pengoperasian 24 jam Kompleks Imigresen, Kuarantin, dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dari aspek impak kepada perniagaan dan aspek keselamatan pengoperasian 24 jam. Kajian dijalankan di sekitar kompleks perniagaan berhampiran Kompleks ICQS, Bukit Kayu Hitam dan juga pekan Changlun. Satu set soal selidik telah disediakan untuk tujuan diberikan secara bersemuka dengan responden-responden kajian. Dapatan soal selidik dengan peniaga setempat, secara ringkasnya data mengenai hasil jualan peniaga di kawasan sekitar berikutan operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam menunjukkan hanya minoriti peniaga merekodkan peningkatan jualan secara keseluruhannya. Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa, Pengoperasian 24 jam ICQS Bukit Kayu Hitam untuk kenderaan berat, keadaan keselamatan bukanlah menjadi isu utama bagi peniaga di kawasan sekitar. Rata-rata peniaga yang ditemui menyatakan kehadiran dan kekerapan rondaan pihak berkuasa telah meningkatkan keyakinan mereka terhadap keadaan keselamatan setempat. Pengenal kepada pengoperasian 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam tidak memberikan kesan yang signifikan kepada perniagaan di kawasan sekitar untuk jangka masa yang singkat. Analisis data mendapati pelbagai sebab diberikan oleh peniaga yang menyokong usaha pembukaan waktu operasi Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam selama 24 jam. Kebanyakan peniaga yang menyokong usaha ini berpendapat pengoperasian 24 jam di kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam akan memberikan impak kepada perniagaan mereka. Majoriti peniaga berpandangan pengoperasian 24 jam bukan hanya membuka peluang peningkatan hasil jualan dan mutu perniagaan malah akan memudahkan urusan perniagaan dan urusan penghantaran barang, terutamanya yang melibatkan barangan keluar/masuk

sempadan Malaysia dan Thailand. Kajian ini juga mencadangkan supaya pihak bertanggungjawab dapat merancang dalam membina dan membangunkan semula tapak-tapak perniagaan yang mampu dimiliki oleh peniaga agar menarik pengunjung tempatan dan dari seberang. Agensi-agensi yang terlibat juga dicadangkan supaya merangka, merancang, dan melaksanakan projek-projek jangka pendek dan panjang bagi tujuan mempergiatkan serta merancakkan aktiviti ekonomi tempatan.

Kata Kunci: Pengoperasian 24 Jam ICQS, Peniaga-peniaga setempat, Impak keselamatan, Impak Perniagaan

1. PENGENALAN

Bermula 18 Jun 2019, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam telah melanjutkan pengoperasian selama 18 jam bermula dari pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam. Pembukaan laluan kargo atau kenderaan berat dilanjutkan kepada 24 jam manakala bagi laluan awam kekal kepada 18 jam sehari bagi jangka waktu yang sama. Tempoh percubaan ini akan beroperasi selama tiga (3) bulan mulai dari 18 Jun 2019 hingga 17 September 2019. Tujuan utama penambahan enam (6) jam waktu pengoperasian ini adalah untuk meningkatkan aktiviti perdagangan di antara Malaysia dan Thailand di samping mengurangkan kesesakan laluan kenderaan berat. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan lagi industri logistik di Kedah dan Perlis khususnya dan merancakkan hubungan dagang dua hala di antara Malaysia dan Thailand. Perkembangan perdagangan di antara dua negara ini akan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan perkembangan industri di kedua-dua buah negara.

Mengikut Berita Harian *Online* bertarikh 18 Julai 2019, kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) berbanding Baht Thailand ketika itu tidak menjadi penghalang kepada pelancong Malaysia terutama dari Kedah, Pulau Pinang, dan Perak terus berkunjung ke negara jiran itu yang mana produk jualannya masih dianggap murah. Hakikatnya, limpahan ekonomi yang dinikmati peniaga dan pengusaha di negara jiran itu gagal dirasai usahawan tempatan yang menjalankan operasi mereka pada jarak tidak sampai satu kilometer. Aktiviti perniagaan di Kompleks Bebas Cukai tidak semeriah di

premis komersial di Danok, malah keadaan lebih buruk bagi peniaga di Kompleks Darul Qiyam dan Bazar Bukit Kayu Hitam apabila tidak ada langsung yang berkunjung ke kedai mereka. Ketidakseimbangan aktiviti ekonomi ini sangat mendukacitakan di pihak Malaysia, kerana setiap hari aktiviti di pintu sempadan sentiasa sibuk dengan kegiatan perdagangan dan keluar masuk pelancong. Oleh itu, bagi memastikan kehadiran pengunjung ke pusat komersial berkenaan, maka kerajaan Malaysia adalah dicadangkan untuk membuka cawangan bank, menyediakan perkhidmatan insurans kenderaan dan pengurup wang.

Pengoperasian 24 jam ICQS Bukit Kayu Hitam juga sedikit sebanyak memberi impak kepada perniagaan di sekitar Bukit Kayu Hitam dan juga pekan Changlun. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi peniaga-peniaga setempat terhadap keberkesanan Pengoperasian 24 jam ICQS Bukit Kayu Hitam dari aspek impak kepada perniagaan dan juga aspek keselamatan.

2. KAJIAN LITERATUR

Sarjono, Talib & Kay (2020) dalam kajian mereka cuba untuk memahami konsep perdagangan sempadan, perdagangan tukar barang dan perdagangan informal rentas sempadan di Pulau Sebatik Malaysia–Indonesia, mendapati bahawa perkembangan ekonomi dunia menciptakan definisi tersendiri hasil dari fenomena itu. Sepertiga (1/3) dari ruang ekonomi itu dimiliki oleh ekonomi informal juga disebut sebagai Ekonomi Lokal ataupun *System D*. Konotasi membayangkan satu fenomena pekerjaan yang sebenarnya bersifat universal tanpa adanya dasar perburuhan yang jelas. Fenomena yang semakin berkembang biak dan bersifat pandang dunia mengambil tempat ruang ekonomi yang ditinggalkan oleh ekonomi formal. Manipulasi terhadap sumber yang begitu luas, praktik yang dinamik berlangsung dalam dimensi *legal* mahupun *illegal*, memberikan jaminan pekerjaan yang dibayangi oleh kelangsungan (*survival*). Kajian mereka ini berlaku di Pulau Sebatik yang mana dimiliki negara Malaysia dan Indonesia. Hasil kajian kualitatif, mereka membayangkan fenomena ini berlaku atas faktor kewujudan ruang dan peluang ekonomi yang boleh dieksploitasi demi kelangsungan dalam memenuhi tuntutan ekonomi, terutamanya kelompok marginal di sempadan.

Tambahan lagi, mengikut Ibrahim & Ahmad (2010) di dalam kajian mereka menyatakan bahawa semenjak tahun 1980an, industri pelancongan di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan. Bagi memastikan industri pelancongan terus berkembang, Malaysia mempromosikan pelbagai konsep pelancongan seperti eko-pelancongan, agro pelancongan, pelancongan bandar, pelancongan budaya dan sejarah, pelancongan kesihatan, *homestay*, termasuk ke 9 lokasi yang menjadi tumpuan pelancong di sepanjang sempadan Malaysia – Thailand. Aktiviti yang popular di destinasi ini adalah membeli-belah yang majoritinya dikunjungi oleh pelancong domestik. Salah satu tujuan kerajaan membangunkan kawasan-kawasan sempadan adalah untuk memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk yang tinggal berhampiran sempadan di samping membuka kawasan-kawasan baru untuk tujuan pembangunan. Bila mana dikaitkan dengan pelancongan sempadan, di antara isu- isu yang seringkali dikaitkan dengan kawasan ini adalah berkenaan corak pergerakan pelancong, dasar pemberian visa, urusan di Kompleks Kastam dan Kuarantin, tarikan dan imej produk yang ditawarkan, corak pembangunan destinasi, status bebas cukai, pihak yang memperolehi manfaat hasil daripada pembangunan kawasan sempadan, keselamatan negara, aktiviti penyeludupan, dan sebagainya. Kajian mereka juga membincangkan mengenai aktiviti pelancongan sempadan berdasarkan konsep dan pengertian, dasar-dasar kerajaan Malaysia terhadap pembangunan di kawasan sempadan, keadaan semasa aktiviti pelancongan di beberapa pintu masuk utama sempadan Malaysia dan Thailand, potensi-potensi yang boleh diceburi dan dibangunkan pada masa depan oleh kedua dua pihak di samping isu-isu yang menjadi penghalang kepada pembangunan pelancongan di kawasan ini. Oleh itu, konsep pelancongan di beberapa lokasi sempadan negara adalah salah satu strategi yang boleh meningkatkan sosio-ekonomi kawasan setempat yang terlibat dan secara langsung meningkatkan ekonomi negara.

Tambahan lagi Yusof, Syed Hussain, Ibrahim & Sofiah'Atiqah (2013) mendapati perniagaan di sempadan Malaysia-Thailand iaitu Pasar Besar Padang Besar, Perlis sering kali dimonopoli oleh wanita warganegara Thailand yang mewujudkan pelbagai reaksi rasa tidak puas hati di kalangan warganegara Malaysia. Oleh itu, kajian mereka bertujuan untuk meneliti profil peniaga wanita di Pasar Besar Padang Besar, Perlis. Borang kaji selidik

diedarkan kepada 78 orang peniaga wanita warga negara Thailand. Kajian mereka mendapati majoriti peniaga wanita di Pasar Besar Padang Besar yang berulang-alik dari Thailand ke Malaysia secara harian, adalah menggunakan pas sempadan, dan juga secara haram tanpa memiliki apa-apa dokumen perjalanan yang sah. Tambahan lagi, faktor yang mendorong kemasukan peniaga wanita Thailand adalah kerana peluang perniagaan yang besar di Malaysia berbanding dengan Thailand, kurang persaingan dengan peniaga wanita rakyat Malaysia, dan keuntungan yang besar dari penjualan barangan Thailand di Malaysia kerana rakyat Malaysia rata-rata sukakan barangan Thailand yang jauh lebih murah. Antara masalah yang dihadapi oleh peniaga wanita Thailand ini adalah kekurangan modal untuk mengembangkan perniagaan, persaingan, pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat bagi membolehkan mereka mendapat maklumat atau pengetahuan dalam bidang perniagaan dengan lebih baik. Oleh itu, pihak bertanggungjawab perlu merangka dan merancang strategi jangka masa pendek dan panjang di dalam membantu mempertingkatkan sosio-ekonomi komuniti tempatan dan juga peniaga-peniaga kecil di sekitar sempadan Malaysia-Thailand. Menurut Harian & Mallow (2019) di dalam Sinar Harian, keselamatan dan kebersihan adalah merupakan satu elemen keutamaan yang perlu diambil berat oleh semua pihak samada kerajaan, peniaga mahupun pengunjung. Lokasi yang boleh mengundang bahaya kepada pihak pengunjung dan peniaga seperti tepi jalan raya yang sesak dengan lalu lintas serta kawasan yang berhampiran semak-samun perlu dielakkan.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan ke atas peniaga-peniaga kompleks perniagaan di sekitar Kompleks ICQS, Bukit Kayu Hitam dan juga pekan Changlun dengan menggunakan kaedah persampelan tidak berkeberangkalian (*nonprobability sampling*). Memandangkan sampel dipilih berdasarkan kumpulan sasaran (peniaga yang memenuhi kriteria kajian, kaedah yang dipilih di bawah persampelan ini ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Satu set soal selidik telah disediakan untuk tujuan diberikan secara bersemuka dengan responden-responden kajian. Kerja lapangan telah dijalankan pada 4 hingga 7 Ogos 2019 di sekitar Pekan Changlun dan juga Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.

4. DAPATAN KAJIAN

Profil Peniaga/Demografi

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) adalah merupakan tulang belakang ekonomi negara yang menjadi sumber eksport negara dengan mencatatkan sebanyak RM171.9 bilion pengeluaran pada tahun 2018 berbanding dengan RM166.2 bilion bagi tahun 2017, (DOSM, 2019). Kedah merekodkan 5.4% peniaga iaitu seramai 48,894 peniaga PKS. Daripada jumlah keseluruhan peniaga PKS iaitu 907,065 di mana peniaga ini terdiri daripada sektor pembuatan (5.3%), perkhidmatan (89.2%), pertanian (1.1%), pembinaan (4.3%) dan perlombongan & pengkuarian (0.1%) dan (20.6%) daripada jumlah ini juga adalah dimiliki peniaga wanita. Jumlah keseluruhan PKS ini dibahagi kepada tiga saiz perniagaan iaitu *mircoenterprise* yang paling ramai peniaga dengan mencatatkan 76.5% (693,670 peniaga) diikuti peniaga kecil 21.2% (192,783 peniaga dan akhir sekali peniaga sederhana dengan 2.3% (20,612 peniaga). Fokus penyelidikan ini hanya tertumpu di kawasan peniaga di kawasan Changlun dan juga Bukit Kayu Hitam di mana seramai 102 peniaga dari pelbagai saiz telah menjadi responden dalam kajian ini.

Profil Peniaga

Jadual A menunjukkan demografi peniaga seramai 102 orang yang masing-masing membuka perniagaan di sekitar Changlun (80.4%) dan Bukit Kayu Hitam (19.6%). Dapatan kajian menunjukkan majoriti 98% peniaga adalah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hanya 2% bukan warganegara. Selain itu, data ini menunjukkan 73 (71.6%) responden merupakan pekerja manakala 29 (28.4%) responden adalah pemilik perniagaan. Daripada jumlah 102 peniaga, 50 (49%) orang daripadanya terlibat dalam sektor perkhidmatan seperti hotel, restoran, makanan dan minuman, serta bengkel kenderaan. Manakala 38 (37.3%) orang menjalankan perniagaan tidak formal seperti pasar tani, pasar malam, ekspo perniagaan, pasar borong, dan penjaja kecil. Baki peniaga masing-masing menjalankan perniagaan dalam sektor pembuatan seramai 9 (9%) orang, pertanian 3 (2.9%) orang dan, pembinaan 2(2%) orang. Selain itu, majoriti peniaga adalah dari kalangan perempuan seramai 66 (64.7%) orang dan diikuti dengan lelaki 36 (35.3%) orang di mana

48 (47.1%) orang daripadanya berumur di antara 21-30 tahun dan 53(52%) orang berstatus bujang. Seramai 8 (7.8 %) orang responden tahap pendidikan Sekolah Rendah, 58 (56.9) sekolah menengah, sementara sijil dan Pengajian Tinggi (Kolej /Universiti) masing-masing 18 (17.6). Sejumlah besar peniaga adalah dari etnik berbangsa Melayu seramai 77 (75.5%), Cina, 19 (18.6%) dan diikuti dengan India 6 (5.9%)orang. Dari segi pengalaman perniagaan, 30 (29.4%) orang peniaga baru beroperasi sekitar 0-4 tahun diikuti dengan 21 (20.6%) peniaga telah beroperasi selama 5-9 tahun, 20 (19.6%) berniaga selama 10-14 tahun, 18 (17.6%) telah berniaga selama 15-19 tahun dan 13(12.7%) telah berniaga melebihi 20 tahun. Jumlah peniaga yang beroperasi sepanjang hari adalah seramai 70 (68.6%) orang sementara 32 (49%.) orang beroperasi hingga ke malam. Berdasarkan kepada hasil data, rata-rata peniaga beroperasi selama 12 jam (21.6%), namun tiada perbezaan yang ketara dengan waktu perniagaan yang beroperasi selama 24 jam (20.6%). Jadual A menunjukkan maklumat terperinci demografi peniaga kajian ini.

Jadual A

Profil peniaga

Kenyataan	Bilangan (N:102)	% (%)
Sektor Perniagaan		
Perkhidmatan (Hotel, restoran, perbankan, makanan dan minuman, bengkel kenderaan)	50	49.
Pembuatan	9	8.8
Pembinaan	2	2.0
Pertanian	3	2.9
Sektor perniagaan tidak formal: (Pasar tani, pasar malam, karnival/ekspo, pasar borong, penjaja kecil)	38	37.3
Jantina		
Lelaki	36	35.3
Perempuan	66	64.7
Umur		
20 tahun dan kebawah	11	10.8
21 – 30 tahun	48	47.1

	31– 40 tahun	24	23.5
	41 – 50 tahun	11	10.8
	51 – 60 tahun	6	5.9
	61 tahun dan keatas	2	2.0
<hr/>			
Tahap Pendidikan			
	Sekolah Rendah	8	7.8
	Sekolah Menengah	58	56.9
	Sijil	18	17.6
	Pengajian Tinggi (Kolej,Universiti)	18	17.6
<hr/>			
Tempoh Berniaga			
	0 – 4 tahun	30	29.4
	5 – 9 tahun	21	20.6
	10 – 14 tahun	20	19.6
	15 – 19 tahun	18	17.6
	Lebih 20 tahun	13	12.7
<hr/>			
Taraf Perkahwinan			
	Berkahwin	49	48.0
	Bujang	53	52.0
<hr/>			
Warganegara			
	Warganegara Malaysia	100	98.0
	Bukan Warganegara	2	2.0
<hr/>			
Etnik			
	Melayu	77	75.5
	Cina	19	18.6
	India	6	5.9
<hr/>			
Agama			
	Islam	77	75.5
	Buddha	18	17.6
	Hindu	5	4.9
	Kristian	1	1.0
	Lain-lain	1	1.0
<hr/>			
Bilangan ahli keluarga/tanggungan			
	0	23	22.5
	1	5	4.9
	2	7	6.9
	3	16	15.7
	4	22	21.6
	5	13	12.7
	6	10	9.8
	7	3	2.9
	8	1	1.0
	10	1	1.0
	14	1	1.0
<hr/>			
Masa operasi perniagaan			

a) Pagi	Ya	63	61.8
	Tidak	39	38.2
b) Petang	Ya	64	62.7
	Tidak	38	37.3
c) Malam	Ya	50	49.0
	Tidak	52	51.0
d) Sepanjang Hari	Ya	32	31.4
	Tidak	70	68.6

Jumlah masa perniagaan (Jam)

0	2	2.0
6	4	3.9
7	3	2.9
8	10	9.8
9	10	9.8
10	12	11.8
10	1	1.0
11	4	3.9
12	22	21.6
15	3	2.9
16	7	6.9
17	3	2.9
24	21	20.6

Jumlah bekerja sehari mengikut lantikan (Jam)

0	3	2.9
4	1	1.0
6	7	6.9
7	5	4.9
8	29	28.4
9	9	8.8
10	13	12.7
10	1	1.0
11	4	3.9
12	18	17.6
13	1	1.0
14	1	1.0
16	3	2.9
18	1	1.0
20	1	1.0
24	5	4.9

Pekerja/Peniaga bekerja shif		Ya	33	32.4
		Tidak	69	67.6
<hr/>				
a) Jumlah jam bekerja shif	0	70	68.6	
	5	1	1.0	
	6	4	3.9	
	7	1	1.0	
	8	20	19.6	
	9	1	1.0	
	12	4	3.9	
	14	1	1.0	
<hr/>				
Pemilik/Pekerja	Pemilik Perniagaan		29	28.4
	Pekerja		73	71.6
<hr/>				
Bilangan Pekerja	0	12	11.8	
	1	8	7.8	
	2	20	19.6	
	3	22	21.6	
	4	6	5.9	
	5	9	8.8	
	6	1	1.0	
	7	5	4.9	
	8	9	8.8	
	9	3	2.9	
	10	4	3.9	
	11	1	1.0	
	12	1	1.0	
	14	1	1.0	
<hr/>				
Lokasi premis perniagaan		Bukit Kayu Hitam	20	19.6
		Changlun	82	80.4

Sumber: Kajian Lapangan 2020

5. IMPAK KEPADA PERNIAGAAN HASIL PENGOPERASIAN 24 JAM


Peningkatan Jumlah Jualan Perniagaan Hasil Pengoperasian 24 Jam

Rajah B1 di bawah menunjukkan data mengenai hasil jualan peniaga di kawasan sekitar berikutan pengenalan kepada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Dapatan kajian menunjukkan hanya 36 (35.3%)

orang peniaga merekodkan peningkatan jualan secara keseluruhannya. Manakala 66 (64.7%) orang peniaga pula tidak merekodkan sebarang peningkatan hasil jualan susulan daripada pengoperasian 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Ini disokong dengan data yang menunjukkan 92 (90.2%) peniaga mengatakan tiada kesan langsung peningkatan hasil jualan kerana jumlah kenderaan keluar masuk Thailand. Secara keseluruhannya, pengenalan kepada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam tidak memberikan kesan yang signifikan kepada perniagaan di kawasan sekitar. Hal ini adalah kerana hanya sedikit peningkatan direkodkan dalam bulan Jun (34.3%) dan Julai (31.4%) oleh sejumlah kecil peniaga di kawasan sekitar Changlun dan Bukit Kayu Hitam (Maklumat terperinci di Jadual B1)

Rajah B1

Peningkatan Jumlah Jualan Perniagaan Hasil Pengoperasian 24 Jam



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Jadual B1

Impak Kepada Perniagaan Hasil Pengoperasian 24 Jam

Kenyataan	Bilangan (N)	% (%)
Peningkatan secara keseluruhannya hasil jualan dari operasi 24 jam Kompleks (ICQS)		
Ya	36	35.3
Tidak	66	64.7
Kefahaman mengenai pengoperasian 24 jam terhadap lori – lori kargo		
Ya	76	74.5
Tidak	26	25.5
Peningkatan kepada hasil jualan kerana jumlah kenderaan keluar masuk Thailand		
Ya	39	38.2
Tidak	63	61.8
Anggaran peningkatan jualan		
0	92	90.2
100	1	1.0
150	1	1.0
500	1	1.0
1000	4	3.9
1500	1	1.0
5000	1	1.0
8000	1	1.0
Peningkatan kepada hasil jualan dalam bulan Jun		
Ya	35	34.3
Tidak	67	65.7
a) Anggaran peningkatan jualan		
0	95	93.1
400	1	1.0
1000	2	2.0
1500	2	2.0
2000	1	1.0
2500	1	1.0
Peningkatan kepada hasil jualan dalam bulan Julai		
Ya	32	31.4
Tidak	70	68.6
a) Anggaran peningkatan jualan		
0	95	93.1
100	1	1.0

	450	1	1.0
	1000	2	2.0
	1300	1	1.0
	2000	1	1.0
	2500	1	1.0
a) Anggaran peningkatan jualan			
	0	93	91.2
	50	1	1.0
	100	1	1.0
	450	1	1.0
	1000	1	1.0
	2000	1	1.0
	2500	2	2.0
	3000	1	1.0
	5000	1	1.0


Sumber: Kajian Lapangan 2020

6. PERTAMBAHAN PENGUNJUNG KE PREMIS PERNIAGAAN HASIL PENGOPERASIAN 24 JAM

Selain daripada peningkatan hasil jualan, pertambahan bilangan pengunjung ke premis perniagaan juga tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang signifikan. Rajah B2 menunjukkan hanya 49 (48%) peniaga yang ditemui merekodkan pertambahan bilangan pengunjung ke premis mereka. Manakala selebihnya 53 (52%) peniaga menyatakan tidak berlaku sebarang peningkatan pengunjung semenjak pengoperasian 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam diperkenalkan. Maka dapat disimpulkan bahawa semenjak Jun 2019, tiada sebarang peningkatan atau impak yang signifikan terhadap perniagaan di Kawasan sekitar susulan pengenalan kepada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Jumlah anggaran pengunjung boleh dilihat secara terperinci di Jadual B2.

Rajah B2

Pertambahan Pengunjung ke Premis Perniagaan Hasil Pengoperasian 24 Jam



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Jadual B2

Anggaran Bilangan Pengunjung ke Premis Perniagaan Semasa Pengoperasian 24 Jam

Kenyataan		Bilangan (N)	% (%)
Pertambahan bilangan pengunjung di kedai anda	Ya	49	48.0
	Tidak	53	52.0
<hr/>			
Anggaran bilangan			
a) Sehari	0	76	74.5
	2	1	1.0

3	4	3.9
4	5	4.9
5	5	4.9
6	1	1.0
7	1	1.0
10	2	2.0
30	1	1.0
100	4	3.9
200	1	1.0
300	1	1.0

b) Seminggu	0	80	78.4
	4	1	1.0
	10	1	1.0
	15	1	1.0
	20	2	2.0
	25	2	2.0
	30	1	1.0
	40	4	3.9
	50	1	1.0
	55	1	1.0
	100	2	2.0
	200	1	1.0
	400	2	2.0
	500	1	1.0
	800	1	1.0
	1400	1	1.0

c) Sebulan	0	83	81.4
	40	1	1.0
	50	1	1.0
	80	1	1.0
	100	1	1.0
	150	2	2.0
	160	1	1.0
	165	1	1.0
	200	2	2.0

250	1	1.0
300	1	1.0
350	1	1.0
1000	3	2.9
2000	2	2.0
5600	1	1.0


Sumber: Kajian Lapangan 2020

7. PERSETUJUAN UNTUK MELANJUTKAN MASA OPERASI PERNIAGAAN KESAN DARI OPERASI 24 JAM DI KOMPLEKS (ICQS)

Akan tetapi walaupun tempoh 2 bulan yang lalu (Jadual B1) tidak memberikan impak yang signifikan kepada peniaga, Rajah B3 menunjukkan majoriti peniaga iaitu seramai 61 (59.8%) orang bersetuju untuk melanjutkan operasi perniagaan mereka sekiranya tempoh operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam diteruskan manakala 41 (40.2%) peniaga tidak bersetuju.

Rajah B3

Persetujuan untuk melanjutkan masa operasi perniagaan kesan dari operasi 24 jam di Kompleks (ICQS)



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Persetujuan untuk melanjutkan tempoh operasi perniagaan ini didorong oleh dua faktor utama iaitu peningkatan kos dan pertambahan tenaga kerja. Jadual B3 menunjukkan maklum balas peniaga berkaitan dua faktor yang dinyatakan. Hasil daripada kajian yang dilakukan menunjukkan seramai 56 (54.9%) orang peniaga merasakan tiada sebarang peningkatan kos yang akan berlaku sekiranya mereka memanjangkan tempoh perniagaan mereka. Hanya 46 (45.1%) orang peniaga yang merasakan akan berlakunya peningkatan kos sekiranya waktu operasi dipanjangkan. Bagi faktor yang kedua pula, analisis data mendapati seramai 78 (76.5%) orang peniaga tidak memerlukan pertambahan tenaga kerja sekiranya waktu operasi dipanjangkan. Hanya 24 (23.5%) orang peniaga yang memerlukan pertambahan tenaga kerja. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa, majoriti peniaga bersetuju sekiranya waktu operasi di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam dipanjangkan ke 24 jam. Hal ini adalah kerana majoriti besar peniaga di kawasan sekitar tidak terkesan dengan peningkatan kos sekiranya mereka memilih untuk perlanjutan waktu perniagaan. Jika dirujuk kepada rajah B1 dan B3, walaupun tiada sebarang peningkatan hasil jualan, majoriti peniaga tetap bersetuju untuk melanjutkan operasi perniagaan mereka sekiranya Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam dibuka selama 24 jam. Hal ini mungkin kerana para peniaga melihat potensi yang ada sekiranya perkara ini terjadi. Walau bagaimanapun, Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam hanya mula beroperasi selama 24 jam untuk tempoh percubaan bermula pada Jun 2019 iaitu kurang dua bulan semasa pengumpulan data dilakukan. Tempoh masa ini adalah terlalu singkat untuk mengukur peningkatan jualan peniaga.

Jadual B3

Persetujuan untuk melanjutkan operasi perniagaan

Kenyataan	Bilangan (N)	% (%)
Persetujuan untuk melanjutkan masa operasi perniagaan kesan dari operasi 24 jam di Kompleks (ICQS)		
	Ya	61
	Tidak	41
Peningkatan kos operasi perniagaan sepanjang operasi 24 jam		

	Ya	46	45.1
	Tidak	56	54.9
<hr/>			
Kemudahan mendapatkan tenaga pekerja dari Thailand			
	Ya	8	7.8
	Tidak	94	92.2
<hr/>			
Pertambahan tenaga kerja di premis perniagaan			
	Ya	24	23.5
	Tidak	78	76.5
<hr/>			
a) Jumlah pertambahan tenaga kerja			
	0	82	80.4
	1	3	2.9
	2	8	7.8
	3	5	4.9
	4	4	3.9
<hr/>			
Kemudahan mendapatkan bekalan bahan mentah dari Thailand			
	Ya	19	18.6
	Tidak	83	81.4
<hr/>			
Kemudahan mendapatkan bekalan bahan mentah yang segar dari Thailand			
	Ya	23	22.5
	Tidak	79	77.5
<hr/>			
Hasil jualan sebulan sepanjang operasi 16 jam dijalankan			
	0	1	1.0
	> RM1000	34	33.3
	RM1001 - 5k	33	32.4
	RM 5001 – 10k	17	16.7
	RM10,001 – 20k	4	3.9
	Lebih RM20k	13	12.7
<hr/>			

Hasil jualan sebulan semasa operasi 24 jam bermula 18
Jun – 17 Sept 2019

> RM1000	31	30.4
RM1001 - 5k	31	30.4
RM 5001 – 10k	21	20.6
RM10,001 – 20k	5	4.9
Lebih RM20k	14	13.7

Tempoh jualan tertinggi

Hari Minggu	31	30.4
Hujung Minggu	32	31.4
Cuti Umum	39	38.2

Tempoh jualan tertinggi

Awal Bulan	45	44.1
Tengah Bulan	11	10.8
Akhir Bulan	46	45.1


Sumber: Kajian Lapangan 2020

8. KESELAMATAN SEMASA PENGOPERASIAN 24 JAM

Kejadian Jenayah di Premis Perniagaan Semasa Pengoperasian 24 Jam

Bahagian C adalah soalan berkaitan tahap keselamatan terutamanya semenjak Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam beroperasi selama 24 jam mulai Jun 2019. Rajah C1 menunjukkan respon peniaga terhadap keadaan jenayah yang berlaku di premis perniagaan semenjak Jun 2019. Hasil kajian mendapati majoriti peniaga iaitu 80.4% menyatakan kadar jenayah di premis perniagaan mereka tidak meningkat semenjak pelaksanaan operasi 24 jam Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Hanya 19.6% peniaga menyatakan semenjak Jun 2019, kadar jenayah di premis perniagaan mereka meningkat. Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa semenjak Jun 2019 apabila Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam memulakan operasi 24 jam untuk kenderaan berat, kadar jenayah di premis perniagaan di kawasan setempat tidak menunjukkan peningkatan yang membimbangkan.

Rajah C1



Kejadian Jenayah di Premis Perniagaan Semasa Pengoperasian 24 Jam


Sumber: Kajian Lapangan 2020

Jenayah Kecurian

Rajah C2 menunjukkan jenis jenayah yang terjadi ke atas peniaga di kawasan setempat. Hasil kajian mendapati kes kecurian adalah jenayah yang paling tinggi terjadi di kawasan perniagaan setempat. Hasil maklum balas di kawasan sekitar mendapati seramai 53 (52%) peniaga pernah mengalami masalah kecurian di premis perniagaan mereka. Manakala selebihnya iaitu 49 (48%) peniaga menyatakan kes kecurian tidak pernah berlaku di premis perniagaan mereka. Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa tahap keselamatan di kawasan perniagaan di kawasan sekitar adalah berada pada tahap yang terkawal. Pelaksanaan operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam semenjak Jun 2019 untuk kenderaan berat sehingga kini tidak mendatangkan ancaman keselamatan terhadap perniagaan di kawasan sekitar. Maklumat secara terperinci mengenai jenayah boleh didapati di Jadual C2.

Rajah C2

Jenayah Kecurian



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Jadual C2

Jenis-Jenis Jenayah Semasa Pengoperasian 24 Jam

Kenyataan	Bilangan (N)	% (%)
Kejadian kes jenayah di premis perniagaan anda		
Ya	20	19.6
Tidak	82	80.4
Kadar kes jenayah meningkat di tempat anda beroperasi		
Ya	30	29.4
Tidak	72	70.6

Bentuk-bentuk jenayah yang dilakukan			
a) Ragut	Ya	16	15.7
	Tidak	86	84.3
b) Kecurian	Ya	53	52.0
	Tidak	49	48.0
c) Rompakan di premis perniagaan	Ya	17	16.7
	Tidak	85	83.3
d) Pecah masuk premis perniagaan	Ya	15	14.7
	Tidak	87	85.3
e) Kes Penipuan	Ya	41	40.2
	Tidak	61	59.8
f) Lain-lain jenayah	Ya	11	10.8
	Tidak	91	89.2


Sumber: Kajian Lapangan 2020

Langkah Keselamatan Semasa Pengoperasian 24 Jam

Rajah C3 menunjukkan respon peniaga terhadap soalan berkenaan usaha peniaga untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi memastikan keselamatan premis. Analisis soal selidik mendapati majority 91 (89.2%) orang peniaga yang ditemubual bersetuju untuk mengambil inisiatif sendiri bagi memasang kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan mereka. Hanya 11 (10.8%) orang peniaga yang tidak bersetuju dengan kaedah ini bagi memastikan keselamatan premis mereka.

Rajah C3

Langkah Keselamatan Semasa Pengoperasian 24 Jam



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Kekerapan Rondaan Pihak Berkuasa Polis Semasa Pengoperasian 24 Jam


Rajah C4 menunjukkan maklum balas peniaga terhadap rondaan keselamatan di kawasan mereka. Dapatan kajian menunjukkan majority 82 (80.4%) orang peniaga bersetuju bahawa semenjak Jun 2019, pihak polis kerap membuat rondaan di kawasan premis perniagaan mereka. Hanya 20 (19.6%) orang peniaga tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Maka dapat disimpulkan bahawa kehadiran pihak polis di kawasan perniagaan dapat meningkatkan keyakinan peniaga terhadap keadaan keselamatan di kawasan sekitar.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa, semenjak Jun 2019 iaitu apabila Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam memulakan operasi selama 24 jam untuk kenderaan berat, keadaan keselamatan bukanlah menjadi isu utama bagi peniaga di kawasan sekitar. Rata-rata peniaga yang ditemui menyatakan kehadiran dan kekerapan rondaan pihak berkuasa telah meningkatkan keyakinan mereka terhadap keadaan keselamatan setempat.

Mereka juga menegaskan kejadian jenayah di kawasan mereka tidak meningkat semenjak Jun 2019. Pun begitu, bagi menjamin keadaan yang lebih selamat, majoriti peniaga sanggup untuk memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV). Maklumat terperinci di Jadual C4.

Rajah C4

Kekerapan Rondaan Pihak Berkuasa Polis Semasa Pengoperasian 24 Jam



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Peningkatan Peniaga Baru di Sekitar Changlun dan Bukit Kayu Hitam

Rajah C5 menunjukkan maklum balas peniaga terhadap peningkatan jumlah peniaga baharu di kawasan premis perniagaan mereka. Hasil kajian mendapati, seramai 57 (55.9%) peniaga merasakan terdapat peningkatan jumlah peniaga baharu di kawasan mereka. Manakala selebihnya iaitu 45 (44.1%) peniaga merasakan jumlah peniaga tidak bertambah semenjak dua bulan kebelakang. Peniaga yang merasakan peningkatan jumlah peniaga baharu ini mungkin disebabkan oleh kewujudan perniagaan sementara (ad hoc) di sekitar kawasan.

Rajah C5

Peningkatan Peniaga Baharu di Sekitar Changlun dan Bukit Kayu Hitam




Sumber: Kajian Lapangan 2020

Kesedaran Mengenai Kes Penyeludupan

Rajah C6 menunjukkan maklum balas tanggapan peniaga terhadap kes penyeludupan di kawasan mereka. Dapatan kajian menunjukkan majoriti 61 (59.8%) peniaga beranggapan bahawa kes penyeludupan di kawasan mereka semakin meningkat. Manakala 41 (40.2%) peniaga pula tidak beranggapan kes penyeludupan semakin meningkat di kawasan mereka. Oleh yang demikian, pihak berkuasa perlu untuk memberi perhatian serius kepada tanggapan peniaga di kawasan sekitar. Agensi yang terlibat perlu untuk meningkatkan pengawasan di kawasan sekitar terutamanya di kawasan Changlun dan Bukit Kayu Hitam.

Rajah C6

Kesedaran Mengenai Kes Penyeludupan



Sumber: Kajian Lapangan 2020

Jadual C4

Persepsi Peniaga Mengenai Kawalan Keselamatan Semasa Pengoperasian 24 Jam

Kenyataan	Bilangan (N)	% (%)	
Persetujuan untuk memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi memastikan keselamatan premis	Ya	91	89.2
	Tidak	11	10.8

Pihak berkuasa (Polis) kerap membuat rondaan di kawasan premis perniagaan anda berbanding sebelum ini	Ya	82	80.4
	Tidak	20	19.6
<hr/>			
Kawalan keselamatan bertambah ketat di ICQS selepas operasi 24 jam	Ya	73	71.6
	Tidak	29	28.4
<hr/>			
Kawalan keselamatan yang ketat menyebabkan perniagaan anda terganggu	Ya	13	12.7
	Tidak	89	87.3
<hr/>			
Bilangan peniaga baharu meningkat di kawasan premis perniagaan anda	Ya	57	55.9
	Tidak	45	44.1
<hr/>			
Kesedaran mengenai peningkatan kes penyeludupan	Ya	61	59.8
	Tidak	41	40.2

Sumber: Kajian Lapangan 2020

Berikut adalah sebab yang dinyatakan oleh peniaga-peniaga mengenai kewajaran dan ketidak wajaran pembukaan 24 jam kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam:

1. Perkhidmatan keselamatan perlu ditingkatkan
2. Risiko kemalangan akan meningkat
3. Memudahkan perhubungan antara penduduk dan orang luar
4. Menyebabkan kesesakan lalu lintas
5. Membuka peluang pekerjaan
6. Memudahkan orang awam masuk ke Thailand
7. Peningkatan gejala sosial
8. Memudahkan urusan perniagaan

9. Peningkatan jualan
10. Jenayah meningkat/ isu keselamatan/ penyeludupan

9. KESIMPULAN KAJIAN

Dapatan soal selidik dengan peniaga setempat, secara ringkasnya data mengenai hasil jualan peniaga di kawasan sekitar berikutan operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam menunjukkan hanya minoriti peniaga (35.5%) merekodkan peningkatan jualan secara keseluruhannya, berbanding (64.7%) peniaga yang tidak merekodkan sebarang peningkatan hasil jualan susulan daripada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Ini disokong dengan data yang menunjukkan 90.2% peniaga mengatakan tiada kesan langsung ke atas peningkatan hasil jualan akibat daripada jumlah kenderaan keluar masuk Thailand. Secara keseluruhannya, pengenalan kepada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam tidak memberikan kesan yang signifikan kepada perniagaan di kawasan sekitar. Fakta ini disokong oleh sedikitnya kadar peningkatan direkodkan dalam bulan Jun (34.3%) dan Julai (31.4%) oleh sejumlah kecil peniaga di kawasan sekitar Changlun dan Bukit Kayu Hitam.

Selain dari segi peningkatan hasil jualan, bilangan pengunjung ke premis perniagaan juga tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang signifikan. Hanya 48% peniaga merekodkan pertambahan bilangan pengunjung ke premis mereka berbanding 52% yang tidak mendapat peningkatan bilangan pengunjung semenjak pengoperasian 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam diperkenalkan. Secara keseluruhannya, semenjak Jun 2019, tiada sebarang peningkatan atau impak yang signifikan terhadap perniagaan di kawasan sekitar susulan pengenalan kepada operasi 24 jam di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.

Persetujuan untuk melanjutkan masa operasi perniagaan kesan dari operasi 24 jam di Kompleks (ICQS). Di sebalik tiadanya peningkatan signifikan dalam hasil jualan mahupun bilangan pengunjung sebagai impak daripada pengoperasian 24 jam tersebut, majoriti peniaga (59.8%) bersetuju untuk melanjutkan operasi perniagaan mereka sekiranya operasi 24 jam di

Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam diteruskan, berbanding peniaga yang tidak bersetuju (40.2%) untuk melanjutkan tempoh perniagaan mereka. Persetujuan untuk melanjutkan operasi perniagaan ini didorong oleh dua faktor utama iaitu peningkatan kos dan pertambahan tenaga kerja. Majoriti peniaga (54.9%) merasakan tiada sebarang peningkatan kos yang akan berlaku berbanding peniaga (45.1%) yang merasakan akan berlakunya peningkatan kos sekiranya waktu operasi dipanjangkan. Selain itu lebih ramai peniaga (76.5%) tidak memerlukan pertambahan tenaga kerja sekiranya waktu operasi dipanjangkan, berbanding peniaga (23.5%) yang memerlukan pertambahan tenaga kerja.

Secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa majoriti peniaga bersetuju untuk memanjangkan tempoh perniagaan mereka sekiranya waktu operasi di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam dipanjangkan ke 24 jam, kerana berasa tidak terkesan oleh peningkatan kos sekiranya mereka melanjutkan waktu perniagaan. Hasil kajian mendapati sebanyak 66.7% peniaga bersetuju berbanding 33.3% yang tidak bersetuju sekiranya Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam dibuka selama 24 jam kepada pengunjung awam. Peniaga juga memberi respon seimbang dengan 48 % peniaga bersetuju sekiranya waktu operasi Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam diteruskan selama 24 jam hanya untuk kenderaan berat sahaja, berbanding 52% peniaga yang tidak bersetuju, menunjukkan bahawa peniaga mempunyai pandangan berbeza sekiranya Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam beroperasi 24 jam terhad untuk kenderaan berat sahaja. Walau bagaimanapun, hasil kajian lanjut mendapati peniaga yang tidak bersetuju dengan pengoperasian 24 jam Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam terhad kepada kenderaan berat sahaja adalah mereka yang sebenarnya menyokong usaha pembukaan Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam selama 24 jam untuk semua pengunjung.

Secara keseluruhannya, analisis data mendapati pelbagai sebab diberikan oleh peniaga yang menyokong usaha pembukaan waktu operasi Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam selama 24 jam. Kebanyakan peniaga yang menyokong usaha ini berpendapat pengoperasian 24 jam di kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam akan memberikan impak kepada perniagaan mereka. Majoriti peniaga berpandangan pengoperasian 24 jam bukan hanya membuka peluang meningkatkan hasil jualan dan mutu perniagaan malah akan memudahkan urusan perniagaan dan urusan penghantaran barang,

terutamanya yang melibatkan barangan keluar/masuk sempadan Malaysia dan Thailand. Di samping itu, peniaga juga berpendapat bahawa pengoperasian 24 jam Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di samping mewujudkan peluang perniagaan yang baharu. Secara kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya hasil jualan peniaga-peniaga setempat tidak menunjukkan sebarang peningkatan ketara hasil daripada Operasi 14 jam Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Tambahan lagi, peniaga-peniaga setempat berpendapat bahawa tiada pertambahan pengunjung-pengunjung ke premis perniagaan mereka hasil dari pengoperasian 24 jam Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.

Kajian ini juga mencadangkan supaya pihak bertanggungjawab dapat merancang dalam membina dan membangunkan semula tapak-tapak perniagaan yang mampu dimiliki oleh peniaga agar menarik pengunjung tempatan dan dari seberang. Tambahan lagi, dicadangkan juga agensi-agensi yang terlibat supaya merangka, merancang, dan melaksanakan projek-projek jangka pendek dan panjang bagi tujuan mempergiatkan serta merencanakan aktiviti ekonomi tempatan.

Rujukan

Mallow, M. S. (Mac 22, 2019). Keselamatan agenda utama negara. *Sinar Harian*

<https://www.sinarharian.com.my/article/25669/KOLUMNIS/Keselamatan-agenda-utama-negara>

Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2010). Pelancongan sempadan: Potensi dan cabaran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V*, 261.

Sarjono, F., Talib, K. A., & Kay, R. C. S. (2020). Memahami Konsep Perdagangan Sempadan, Perdagangan Tukar Barang & Perdagangan Informal Rentas Sempadan: Kajian Kes Pulau Sebatik Malaysia–Indonesia. *E-Bangi*, 17(6).

Yusof, Rohana and Syed Hussain, Tuan Pah Rokiah and Syed Ibrahim, Sharifah Sofiah 'Atiqah (2013) Peniaga wanita merentas sempadan: Kajian kes di Pasar Besar, Padang Besar, Perlis, Malaysia. In: International Conference on Asean Women (ICAW2013) 10th-12th December 2013, Bandung, Indonesia.